

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KM 26 JALAN LENDU ALOR GAJAH
MELAKA**

**RANCANGAN PERNIAGAAN
ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)**

**TAJUK :
RANCANGAN PERNIAGAAN
EXCELLENT TIES MANUFACTURING**

**DISEDIAKAN UNTUK :
ENCIK MOHD. YUSOF BIN HASHIM
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MALAKA**

DISEDIAKAN OLEH :

AINALITA ZAZNI ADNAN	95754939
KAMARUL HAMDAN HUSSEIN	95617702
NURJARUL ASMA MAT ABU	95515354
ISMAIL BAHARI	95591853
ISKANDAR DZULKARNAIN HASIN	95590299

**ITM MELAKA
3 SEPTEMBER 1997**

SURAT PENYERAHAN

Diploma Pentadbiran Awam

Institut Teknologi MARA

Km 26 Jalan Lendu

78000 Alor Gajah

Malaka

3 September 1997

Encik Mohd. Yusof bin Hashim

Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)

Institut Teknologi MARA

Melaka

Tuan

Laporan Projek Keusahawanan

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas, dengan ini dilampirkan satu projek Rancangan Perniagaan bagi membuka sebuah perniagaan pembuatan. Syarikat kami telah memilih untuk membuka perniagaan pembuatan tali leher.


2. Ini adalah untuk memenuhi sebahagian daripada syarat matapelajaran Asas Keusahawanan. Selain daripada itu, segala pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi daripadanya diharapkan dapat digunakan pada masa hadapan.

3. Kesempatan ini juga, kami ingin merakamkan setinggi - tinggi ucapan terima kasih kepada Pensyarah Tutorial kami Encik Mohd. Yusuf dan juga Pensyarah ETR yang lain di atas segala nasihat dan tunjuk ajar dalam menyediakan Rancangan Perniagaan ini.

4. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan kerjasama baik secara langsung atau tidak langsung di dalam menyediakan Rancangan Perniagaan ini.

Sekian, terima kasih.


Yang benar,



.....
(ISKANDAR DZULKARNAIN HASIN)




.....
(KAMARUL HAMDAN HUSSEIN)




.....
(AINALITA ZAZNI ADNAN)



.....
(NURJARUL ASMA MAT ABU)



.....
(ISMAIL BAHARI)



INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh:

11hb. Jun 1997

Surat Tuan:

Surat Kami:

100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963 06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Ainalita Zazni Adnan	95754939
2.	Nurjarul Asma Mat Abu	95515354
3.	Ismail Bahari	95591853
4.	Kamarul Hamdan Hussin	95617702
5.	Iskandar Dzuikandar Hasin	95590299

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

ROZALLI HASHIM
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Pengetua

1.0 PENGENALAN

Dunia perniagaan dan konsep keusahawanan merupakan dua bidang yang saling berkait dari segi fungsinya. Perniagaan merangkumi aktiviti ekonomi yang amat menguntungkan dan memerlukan komitmen sepadu termasuk aspek dalaman dan luaran. Untuk membuka sesuatu perniagaan, kita memerlukan keyakinan diri, bersemangat tinggi dan bersedia menghadapi saingan. Seseorang usahawan perlu berinisiatif sendiri dalam memajukan dan menampilkan bentuk bidang perniagaan yang diceburi.

Pada dasarnya, penubuhan sesuatu syarikat itu adalah berdasarkan keuntungan, tambahan pula dalam menuju era ekonomi yang kian pesat, kami telah merebut peluang ini dengan menubuhkan Excellent Ties. Kami, lima orang rakan kongsi yang mempunyai syer dan tugas tertentu di dalam syarikat ini, telah bersetuju membuat satu perancangan projek menerima tempahan dan menjual tali leher.

Memandangkan tumpuan utama kami ialah sekolah - sekolah, jabatan-jabatan kerajaan dan swasta seta badan - badan organisasi yang lain sekitar negeri Melaka, maka kami telah memilih kawasan di Taman Datuk Tamby Chik Karim, Batu Berendam, Melaka yang mempunyai lokasi strategik yang dapat membantu menjayakan lagi perniagaan kami ini. Dengan kehadiran kami ke gelanggang perniagaan adalah untuk menyahut seruan kerajaan agar Bumiputera bergiat dalam bidang perniagaan. Tambahan pula kestabilan ekonomi negara memberikan keyakinan serta semangat kepada kami untuk berjaya dalam bidang ini. Berbekalkan kelulusan, pengalaman dan bakat semulajadi yang ada pada kami serta segala kemudahan asas dan kewangan, maka kami berharap untuk menjadi usahawan Melayu yang berjaya.